



## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat bagi produk ini sebelum anda memohon atau membuat keputusan untuk mengambil produk-produk Pinjaman ASNB. Pastikan anda membaca terma-terma yang terdapat didalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada RHB Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma amnya)

Bank Pengeluar : RHB Bank Berhad  
 Nama Produk : A4SB  
 Tarikh : 16/02/2024

### 1. Apakah produk ini ?

- Pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB) / Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) merupakan suatu kemudahan kredit yang diberikan kepada pelanggan yang ingin melabur dalam dana Unit Amanah saham yang diuruskan oleh PNB.
- Kemudahan Pinjaman ini boleh digunakan untuk membiayai pembelian unit ASB/ASB2 (100% Margin Pinjaman) atau tidak lebih daripada 105% sekiranya termasuk pembiayaan elemen-elemen berikut :
  - Fi Pengendorsan;
  - Fi Duti Setem;
  - Insuran (Pilihan)

### 2. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini ?

- Jumlah amaun pinjaman : RM 210,120.00
- Margin pembiayaan : 100%
- Tempoh : 40 tahun
- Kadar Asas Standard (KAS) : 3.00%
- Kadar Pinjaman Lembaga : KAS + 3.10%
- Kadar Semasa:

Kadar Faedah	Kadar Faedah Efektif	Tempoh
KAS + 1.70%	4.70%	480 bulan

\* Nota: Bayaran bulanan adalah berdasarkan kadar faedah yang tertinggi

#### Kebaikan produk ini?

- Pembiayaan jangka panjang untuk pelaburan dalam dana Unit Amanah ASB / ASB2
- Menikmati pulangan dividen penuh, jika ada.
- Pengumpulan kekayaan / simpanan


### 3. Apakah itu Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS yang kami tawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras kini ditetapkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia.

### 4. Apakah senario-senario yang boleh menyebabkan perubahan KAS?

KAS boleh naik atau turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar penanda aras iaitu perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR).

### 5. Contoh ilustrasi Kadar Asas Standard (KAS) untuk tempoh 3 tahun yang lepas:



Nota: KAS telah diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan data OPR yang terdahulu, iaitu kadar penanda aras KAS. Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami.

## 6. Apakah obligasi saya ?

- Ansuran bulanan anda adalah RM940
  - Jumlah pembayaran balik pada akhir 40 tahun : RM 445,720.61
- Penting: Ansuran bulanan anda dan jumlah pembayaran balik akan berubah jika terdapat perubahan pada KAS.

Kadar	Hari ini (KAS = 3.00%)	Jika KAS naik 1%	Jika KAS naik 2%
Ansuran Bulanan	RM 931.00	RM 1,065.00	RM 1,207.00
Jumlah faedah pada akhir 40 tahun	RM 244,600.61	RM 309,757.12	RM 376,415.19
Jumlah permbayaran balik pada akhir 40 tahun	RM 445,720.61	RM 510,877.12	RM 577,535.19

- Kadar faedah - Tertakluk pada turun naik Kadar Asas Standard (KAS). Faedah akan didebitkan pada setiap bulan dan pembayaran balik (prinsipal dan faedah) adalah genap masa untuk dibayar pada hari pertama setiap bulan tersebut. Amaun ansuran ini boleh berubah sekiranya KAS berubah.
- Sijil ASB / ASB2 / Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM2W) akan diendorskan dan disimpan dalam jagaan Bank sebagai cagaran bagi pinjaman yang diberikan.

## 7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar ?

### a) Duti Setem

Duti setem adalah seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989)

### b) Fi Komitmen (untuk kemudahan Overdraf sahaja)

1% setahun ke atas bahagian kemudahan Overdraf yang tidak digunakan bagi amaun melebihi RM250,000.

### c) Fi Pengendorsan (seperti dibawah)

Yuran sekali bayaran sahaja untuk kemudahan pinjaman (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa)	Kadar (RM)	Kemudahan Pinjaman
	50 setiap sijil	2SSB & A4SB
	100 setiap sijil	OD / Pinjaman Tetap bersandarkan sijil ASB/ASM2W tanpa halangan

- Pihak Bank akan memaklumi Peminjam sekurang-kurangnya dalam tempoh 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan Pinjaman.

### d) Lain-lain Yuran, Cukai & Perbelanjaan

Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

## 8. Apakah yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya ?

- Caj pembayaran lewat sebanyak 1% setahun ke atas amaun tertunggak yang dikira secara harian, akan menyebabkan jumlah tunggakan keseluruhannya meningkat.
- Bank berhak, dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari terlebih dahulu kepada anda, untuk menolak apa-apa wang di dalam mana-mana akaun anda dengan Bank untuk membayar apa-apa amaun yang tertunggak dan kena dibayar oleh anda kepada Bank.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda.
- Pihak Bank berhak diatas budi bicara mutlaknya untuk mencairkan sijil-sijil ASB/ ASB2 /ASM2W dalam hal peristiwa mungkir.
- Notis 14 hari akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekiranya peminjam gagal menjelaskan ansuran bulanan untuk dua (2) bulan berturut-turut. Peminjam diberikan tempoh 14 hari untuk membuat bayaran ansuran yang tertunggak. Sekiranya peminjam gagal membuat bayaran selepas tamat tempoh 14 hari tersebut, pihak Bank berhak untuk menjual sijil saham ASB / ASB2 / ASM2W tersebut tanpa apa-apa rujukan lagi kepada peminjam.

## 9. Apakah yang berlaku jika saya membayar balik pinjaman sepenuhnya semasa tempoh tertutup ?

- Tempoh tertutup : 2 tahun pertama dari tarikh pengeluaran bayaran pinjaman untuk 2SSB & A4SB.
- Sekiranya peminjam menyelesaikan pinjaman ASB /ASB2 sepenuhnya dalam masa 2 tahun pertama dari tarikh pengeluaran bayaran pinjaman, yuran keluar (exit fees) sebagai denda/ ganti rugi kepada bank yang berdasarkan ke atas perbezaan di antara kadar pinjaman

Lembaga ASB /ASB2 dengan kadar pinjaman promosi/ khas akan dikenakan.

Yuran keluar =  $[(a-b)/100] \times c \times (d/365)$

Di mana

a = Kadar Pinjaman Lembaga ASB / ASB2

b = Kadar Pinjaman Promosi/ Khas\*

c = Jumlah Pinjaman Asal

d = Bilangan hari dengan bank untuk perjanjian pinjaman ini

\*Merujuk kepada kadar semasa ASB / ASB2

#### 10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan bayaran bulanan melebihi daripada jumlahnya?

Apa-apa pembayaran lebihan bayaran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan.

#### 11. Adakah saya memerlukan apa-apa perlindungan insurans/takaful ?

- Pinjaman premium GRTA ada disediakan

Nota : Sebut harga akan disediakan oleh kakitangan jualan kami bagi insurans yang ditawarkan oleh panel penanggung insurans. Anda bebas menggunakan perkhidmatan bukan panel penanggung insurans / takaful. Walaubagaimanapun, untuk mengelakkan dari sebarang kelewatan dalam urusan insurans, anda digalakkan menggunakan perkhidmatan panel penanggung insurans.

#### 12. Apakah risiko-risiko utama yang dihadapi dalam produk ini?

Kadar faedah bagi Pinjaman ini adalah berubah-ubah dan disandarkan kepada Kadar Asas Standard yang boleh menyebabkan pembayaran bulanan yang lebih tinggi. Jika Pelanggan mempunyai masalah memenuhi kewajipan Pinjaman Pelanggan, hubungi Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran.

#### 13. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Ya. Pinjaman ini memerlukan sijil ASB Pelanggan dicagarkan sebagai sekuriti.

#### 14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya ?

Adalah penting anda memberitahu pihak Bank jika ada perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan urusan surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan Bank sebarang pertukaran melalui pelbagai saluran seperti laman web, cawangan atau hubungi pusat panggilan Bank di 03-92068118.

#### 15. Dimanakah saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan ?

- Jika anda mempunyai masalah dalam membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di :

##### **Pusat Perhubungan Pelanggan RHB Bank**

Tel : 03-9206 8118

E-Mail : [customer.service@rhbgroupp.com](mailto:customer.service@rhbgroupp.com)

- Alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan anda juga boleh menyertai "Program Pengurusan Wang Ringgit Anda" ("POWER") untuk membantu menguruskan hutang anda. Anda boleh menghubungi AKPK di :

##### **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Raya

(dahulu dikenali sebagai, Menara Bumiputra Commerce)

Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Tel : 03-2616 7766

E-mail : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

##### **Pusat Perhubungan Pelanggan RHB Bank**

Tel : 03-9206 8118

E-Mail : [customer.service@rhbgroupp.com](mailto:customer.service@rhbgroupp.com)

Laman Web : <http://www.rhbgroupp.com>

- Jika pertanyaan atau aduan tidak dapat diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**BNMLINK**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465  
Fax : 03-2174 1515  
Borang Web : [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)

- Ombudsman untuk Financial Services (OFS) (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:

Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia  
No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2272 2811  
Fax : 03 2272 1577  
Laman Web :<http://www.ofs.org.my>

#### 16. Dimanakah saya boleh mendapat maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Pinjaman ASNB, sila layari [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) atau anda boleh juga menghubungi kami di cawangan bank yang terdekat atau hubungi kami di 03-92068118 ( Semenanjung Malaysia) or 082-276118 (Sabah dan Sarawak)

#### 17. Jenis-jenis produk pembiayaan ASB /ASB2

- Pinjaman tetap untuk pembelian sijil ASB / ASB2

#### **PERINGATAN PENTING : PELABURAN ASNB ANDA BOLEH DITEBUS SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMATUHI PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN ASNB ANDA.**

Penafian: Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak mengandungi apa-apa nasihat mengenai perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara lain disediakan adalah 'sebagaimana adanya', dan 'seperti yang tersedia' dan disediakan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. RHB Bank tidak menjamin kegunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan dan tidak akan bertanggungjawab terhadap akibat pergantungan terhadap pendapat atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen ini atau untuk apa-apa peninggalan, melainkan hal berkenaan disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Bank. Terma dan syarat produk ini dinyatakan dalam Surat Tawaran Bank (termasuk lampiran / lampiran tambahan) dan dokumentasi pinjaman untuk produk ini.

**Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah bermula dari 16 Februari 2024.**